

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (KDRM)
ALOR STAR, KEDAH.**

OLEH

**SOBIHAH BINTI SAMSUDIN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)**

2005

1100039847

LI 90 FPE I 2005



1100039847
Laporan akhir latihan industri di Jabatan Kastam DiRaja
Malaysia / Sobihah Samsudin.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039817

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (KDRM)
ALOR STAR, KEDAH.**

OLEH

**SOBIHAH BINTI SAMSUDIN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)**

2005

1100039847

PENGESAHAN PERAKUAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **SOBIHAH BT. SAMSUDIN (UK 8545)** mengaku bahawa Laporan Industri ini bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan,



Nama : Sobihah Bt. Samsudin

Tarikh : 15 NOVEMBER 2006

Disahkan oleh :



**Penyelia KUSTEM
b / p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
(KUSTEM)**

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menyelesaikan dan menyediakan laporan Latihan Industri (praktikal) yang saya jalankan. Sesungguhnya walaupun melalui banyak halangan dan rintangan yang dilalui, saya akhirnya dapat menyempurnakan latihan praktikal yang banyak memberi saya pengalaman dan pengajaran untuk menempuh alam pekerjaan di masa yang akan datang.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Fadzli B. Adam selaku penyelia KUSTEM dan kepada Pn. Norrita Bt. Che Embi selaku penyelia Industri yang telah banyak memberi panduan, bimbingan serta nasihat kepada saya. Tanpa bantuan dan bimbingan daripada mereka tidak mungkin saya dapat latihan praktikum ini dengan sempurna.

Tidak lupa juga penghargaan serta terima kasih kepada pegawai–pegawai Kastam terutama sekali yang bertugas di cawangan korporat dan latihan. Bantuan dan tunjuk ajar daripada mereka amatlah dihargai dan berguna sekali. Terima kasih juga diucapkan kepada rakan–rakan seperjuangan yang turut menjalani latihan praktikal di Jabatan Kastam Alor Star di atas kerjasama dan bantuan yang telah mereka berikan.

Tidak lupa juga buat ayah bonda yang tersayang, segala pengorbanan dan dorongan yang diberikan selama ini amatlah dihargai. Akhir sekali terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan bantuan kepada saya sepanjang menjalani latihan praktikal ini. Sesungguhnya, tanpa bantuan, sokongan dari semua, mungkin saya tidak mampu menjalani latihan ini dengan sebaiknya. Semoga jasa baik kalian mendapat berkat dari Allah S.W.T.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kursus Latihan Industri yang ditawarkan oleh pihak universiti adalah satu pendekatan untuk memastikan supaya pelajar memperoleh pengalaman dan mempraktikkan teori-teori yang dipelajari semasa di bilik kuliah agar dapat diaplikasikan ke alam pekerjaan. Kursus Latihan Industri yang ditawarkan oleh Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) ini telah mewajibkan pelajar dari Program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial, Jabatan Ekologi Sosial, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Latihan Industri yang dijalankan adalah selama 12 minggu iaitu daripada 20 Mac 2005 hingga 11 Jun 2005.

Latihan Industri dijalankan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Alor Star, Kedah. Semasa pelatih menjalani latihan di JKDRM pelatih telah berjaya mengenalpasti sistem sedia ada dan masalah yang wujud di JKDRM. Selain itu pelatih turut menyatakan cadangan untuk menyelesaikan masalah yang timbul tadi dan mengupas dengan lebih lanjut lagi cadangan yang dinyatakan dengan membuat analisa terhadap punca masalah dan implikasi terhadap cadangan yang diberikan. Misalnya mencadangkan agar menukar sistem pengurusan fail daripada cara manual kepada komputer agar pengurusannya lebih cekap dan memahirkan pekerja dengan mengadakan kursus komputer dalam jangka waktu yang terdekat. Selain itu pelatih juga mencadangkan supaya menggunakan mesin perakam waktu yang lebih fleksibel iaitu secara elektronik yang melibatkan pengimbasan cap jari untuk merakam waktu kerja, yang dikenali sebagai mesin perakam waktu '*finger flex*'. Seterusnya pelatih juga mencadangkan agar mewujudkan satu sistem kad kedadangan pekerja kursus kepada pekerja yang terlibat dengan kerja di luar pejabat.

Pelatih telah membuat analisis terhadap semua punca masalah dan cadangan penyelesaian terhadap masalah tersebut di dalam bahagian analisis dan implikasi cadangan. Kesimpulannya, pelatih telah berjaya membawa pulang pengalaman alam pekerjaan dan pengetahuan mengenai selok belok pengurusan pentadbiran di JKDRM.